



Diembargo sehingga

Jam 2359, 11 Ogos 2022

BULAN BAHASA 2022 –NYALAKAN CINTA TERHADAP BAHASA MELAYU

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) mengalu-alukan penyertaan semua dalam Bulan Bahasa 2022, yang akan berlangsung dari 13 Ogos hingga 9 Oktober 2022. Majlis Pelancaran Bulan Bahasa akan ditayangkan pada Sabtu, 3 September 2022 8.30 malam di saluran Mediacorp Suria. .

Bulan Bahasa 2022 terus kekal dengan matlamatnya untuk menggalak masyarakat Melayu supaya mencintai dan menghargai bahasa, budaya dan warisan kita. Tahun ini, rakan kerjasama Bulan Bahasa akan menyajikan acara-acara dan program-program yang bersifat hibrid – ada yang dijalankan dalam talian dan ada juga secara bersemuka - berbeza dengan dua tahun yang sudah apabila semua program dianjurkan dalam alam maya sahaja.

“Penggalakan bahasa dan pemupukan budaya merupakan projek yang tidak ada penghujungnya. Namun, dengan usaha masyarakat dan sokongan pertubuhan seperti Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LKYFB) dan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), saya percaya kita akan dapat terus menyemarakkan obor bahasa dan budaya Melayu untuk generasi masa depan kita.” kata Dr Maliki Osman, Menteri di Pejabat Perdana Menteri, dan Menteri Kedua Pendidikan merangkap Ehwat Luar.

Program-program untuk Semua

Bulan Bahasa 2022 ingin mendekati setiap lapisan masyarakat untuk meraikan khazanah warisan kita. Kalendar acara kami padat dengan acara dan program bagi memenuhi minat yang berbeza-beza. Pelbagai program akan dianjurkan oleh rakan-rakan kerjasama melalui wadah digital dan fizikal pada 13 Ogos sehingga 9 Oktober 2022.

Rebut peluang untuk mereka cerita wayang kulit dalam **Bengkel Bayang Boneka** oleh **Bayang Troupe**. Bengkel ini akan memupuk minat peserta untuk mendalami dan mempelajari keindahan bahasa Melayu melalui wayang kulit.



Ibu bapa dan anak-anak dicabar untuk berkomunikasi antara satu sama lain melalui pelbagai cara untuk mengekspresikan diri dalam **Kreatif Bahasa Bersama... – Cerita Makanan** anjuran **Elements Pictures**. Di dalam bengkel ini, peserta akan mempelajari cara menggunakan teknik visualisasi dan membina kemahiran mendengar untuk meluahkan fikiran mereka secara kreatif melalui lukisan dan pertuturan dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan makanan.

Pelajari istilah bahasa Melayu untuk warna-warna tertuari dan keistimewaannya di dalam budaya Melayu. Gunakan pengetahuan tersebut dalam bengkel kerjasama lukisan batik di **Warna Warni Bicara Seni (Colourful Arts Discourse)** oleh **Kamal Arts Ltd**. Peserta akan didedahkan kepada keindahan bahasa Melayu dalam mengenal pasti warna-warna yang berbeza.

Diiilhamkan oleh bunyi-bunyian yang bakal didengari semasa bengkel, peserta dicabar untuk melukis apa yang mereka dengar dalam **Lakarkan Bunyian**, anjuran **Elements Pictures**. Keluarga digalakkan untuk menyertai bengkel ini bersama.

Ketahui lebih tentang kekuatan dan keindahan lirik-lirik lagu tradisional di **Muzika Bahasa... Kalung Irama** oleh **Artisan Entertainment**. Di samping itu, peserta boleh menimba ilmu tentang filem opera Melayu klasik dari masa lampau.

Pelajari asal-usul gerak silat, yang diilhamkan daripada gerak laku haiwan dengan menyertai **Asal Kapas Jadi Benang** anjuran **Perguruan Silat Seni Gayong Singapura**. Peserta akan belajar lebih mendalam tentang silat dan mungkin juga boleh mempelajari beberapa kemahiran silat dalam program ini.

Dalami pemahaman dan penghargaan terhadap kesusasteraan dan gerakan tarian **Melayu dalam Wirasa – Poetry in Motion** oleh **Perkumpulan Seni**. Para peserta akan meneroka budaya tradisional Melayu dan mengekspresikan diri mereka melalui persembahan tarian selama 3 minit pada akhir bengkel.



Majlis Pelancaran dan Program yang Ditayangkan di Suria – 3 September 2022

Seluruh masyarakat dijemput untuk menyaksikan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2022 yang akan menampilkan sebuah program yang kaya dengan bahasa dan budaya Melayu. Tonton saluran Mediacorp Suria pada Sabtu, 3 September 2022 8.30 malam untuk menyaksikan Majlis Pelancaran Bulan Bahasa 2022. Para penonton juga boleh menyaksikan penampilan oleh Duta Bahasa kami termasuk persembahan daripada Rahila Rashun, Ryan Sufiyan, Qis Maraj dan ramai lagi.

Duta Bahasa 2022

MBMS melantik Duta Bahasa sebagai pengguna dan pencinta bahasa Melayu. Tahun ini, dua lagi individu telah dipilih berdasarkan penguasaan dan minat mereka terhadap bahasa Melayu, serta pelibatan mereka dalam masyarakat.

1. Hans Hamid – Personaliti TV
2. Fir Rahman – Personaliti TV

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Lampiran 1.

Rakan Bahasa 2022

Rakan Bahasa terus menjadi bahagian penting dalam Bulan Bahasa. Pelajar Bahasa Melayu dilantik setiap tahun sebagai Rakan Bahasa dengan objektif untuk mempromosikan bahasa Melayu dalam kalangan keluarga dan rakan mereka. Program-program seperti Pertandingan Teevers (dahulunya dikenali sebagai Pertandingan NewsMaker; pertandingan mereka video), Penterjemah Pintar dan kad aktiviti Kembara Rakan Bahasa terus membina kemampuan dan keyakinan Rakan Bahasa kita.



Jemputan untuk Menyokong Bulan Bahasa 2022

MBMS ingin mengundang masyarakat kita untuk turut serta dalam sambutan Bulan Bahasa 2022.

Sekiranya anda berada di luar, carilah bas SBS yang menampilkan identiti kreatif Bulan Bahasa 2022. Ini termasuk perkhidmatan bas 21, 28 dan 39 yang sudah berada di jalan raya sejak 16 Julai 2022. Anda digalakkan untuk mengambil gambar bas ini dan muat naikkannya kepada **Instagram Story** dengan #citacitracintabahasakita dan tag @bulanbahasa.

Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2022

Sejak 2021, identiti kreatif Bulan Bahasa telah menampilkan enam ikon (palari, kancil, singa, roket, gitar dan pena) yang melambangkan cita-cita dan aspirasi yang berbeza-beza untuk masyarakat Melayu.

Tahun ini, motif bunga digunakan dalam identiti kreatif bagi melambangkan kreativiti masyarakat Melayu dalam mempromosikan, mengembangkan dan melestarikan bahasa dan tradisi Melayu.

Identiti kreatif ini juga meraikan sumbangan tukang seni Melayu kita dan mengiktiraf peranan penting dalam masyarakat.

Sila rujuk [Lampiran 2](#) untuk perincian mengenai identiti kreatif Bulan Bahasa 2022 dan keenam-enam ikon ini.



Mengenai Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura

Bulan Bahasa pertama kali dilancarkan pada tahun 1988 oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan diadakan dua tahun sekali. Sejak 2011, ia menjadi sambutan tahunan yang terus menarik minat, penyertaan dan sokongan masyarakat.

Sebagai daya usaha unggul MBMS, Bulan Bahasa menggalakkan masyarakat menghargai dan menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan mereka dalam usaha melestarikan warisan masyarakat Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai MBMS dan Bulan Bahasa, sila lungsur mbms.sg, [@bulanbahasa](https://www.instagram.com/bulanbahasa) di Instagram dan [facebook.com/majlisbahasa](https://www.facebook.com/majlisbahasa).

Tema Bulan Bahasa

Tema Bulan Bahasa 'Cita. Citra. Cinta. Bahasa Kita.' menggambarkan langkah kita mengharungi era baharu. 'Cita' menggambarkan keinginan, hasrat dan harapan masyarakat dalam usaha untuk mengekalkan kerelevanan penggunaan bahasa Melayu. 'Citra' memaparkan kepelbagaian dan kesesuaian bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perantaraan. 'Cinta' pula memaparkan minat masyarakat untuk menyayangi nilai dan seni bahasa Melayu yang indah.



Lampiran 1

Duta Bahasa 2022



Fir Rahman

Encik Fir Rahman merupakan seorang pelakon yang berbakat, dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam teater, filem, dan televisyen tempatan serta serantau. Beliau juga paling dikenali sebagai pelakon utama dalam *Apprentice*, yang mewakili Singapura dalam Festival Filem Cannes pada 2016.

Fir mencipta sejarah apabila menjadi artis Singapura yang pertama dicalonkan sebagai Pelakon Baharu Terbaik dalam kategori lakonan untuk Anugerah Filem Asia yang ke-11.

Kejayaan Fir pada hari ini bermula daripada pelibatangannya dalam teater. Daripada seorang remaja yang pemalu, Fir telah mengambil peluang untuk mengetahui pelbagai genre teatre berbentuk drama, komedi, muzikal, tragedi dan banyak lagi. Pada Jun 2022, Fir memainkan watak Lisander dalam *Bangsawan Gemala Malam*, iaitu adaptasi daripada karya *Midsummer Night's Dream* oleh Teater Ekamatra, yang disertakan dalam Festival Seni Antarabangsa Singapura. Pada tahun 2009, Fir memainkan watak antagonis Adnan dalam pementasan oleh Teater Kami, Wira Bukit yang merupakan adaptasi buku terlaris novelis Malaysia, A. Samad Said, dengan judul yang sama.

Fir juga merupakan wajah yang dikenali ramai dan sering muncul di kaca televisyen tempatan. Pada 2002, beliau telah dinobatkan sebagai pemenang pertandingan realiti Mediacorp Suria, Juara. Antara pencapaiannya termasuk Pelakon Pembantu Terbaik di Pesta Perdana Suria 2019, untuk lakonannya sebagai tukang gunting rambut, Zikri Aziz, dalam drama bersiri, *Gunting*. Beliau juga terlibat dalam siri *Lion Mums*, di Saluran 5 Mediacorp, memainkan watak sebagai seorang bapa penyayang yang mengatasi pelbagai cabaran di tempat kerja dan di rumah.



Sebagai seorang Duta Bahasa, Fir berharap agar beliau dapat menerapkan keindahan bahasa dan budaya Melayu kepada anak muda kita melalui persembahan seni Melayu seperti Teater, Tarian, Taridra, Silat, Kompang, Dikir Barat dan Muzik Tradisional.



Duta Bahasa 2022



Hans Hamid

Encik Hans Hamid merupakan juara pertandingan adu bakat realiti Mediacorp Suria, Elit Suria pada 2018. Beliau juga pernah muncul dalam pelbagai program Mediacorp Suria dan turut terlibat sebagai hos untuk acara ulang tahun ke-20 Suria, termasuk sebuah program kerjasama antara Singapura dan Brunei.

Hans juga menerajui program gaya hidup Mediacorp Suria, Manja, selama 4 musim bersama personaliti tempatan yang lain. Beliau juga menjadi hos untuk Celebfest Maya 2020, sebuah acara dalam talian semasa penularan Covid-19 yang menampilkan penyanyi-penyanyi tempatan.

Di luar bidang lakonan dan pengacaraannya, Hans juga ialah seseorang yang pentingkan kesihatan. Hans menduduki tempat ke-2 untuk NABBA WFF (National Amateur Body Builders Association World Fitness Federation) Singapore – Mortal Battle Nationals 2016 and Internationals 2017 di bawah Kategori Model Sukan Lelaki. Beliau mengamalkan gaya hidup yang sihat. Oleh itu, Hans juga sering berjalan pantas ataupun mendaki bukit pada masa lapangnya.

Hans juga merupakan seorang bapa kepada 6 orang anak. Meskipun jadualnya padat, beliau memastikan bahawa masa dapat diluangkan bersama keluarga tercinta.

Hans ingin memupuk kemahiran dan mengasah bakatnya agar dia lebih dikenali pada peringkat serantau. Beliau percaya tentang kepentingan menyebarkan semangat positif agarsentiasa bersyukur dan gembira melakukan perkara yang diminati.

Sebagai Duta Bahasa, Hans berharap agar generasi muda akan menghargai dan menghayati budaya dan warisan Melayu, serta berasa bangga apabila bertutur dalam bahasa Melayu untuk menunjukkan rasa cinta akan bahasa kita



Annex B

Identiti Kreatif Bulan Bahasa 2022





Identiti kreatif Bulan Bahasa 2022 memaparkan enam ikon (palari, singa, gitar, kancil, pena dan roket), yang melambangkan cita-cita dan aspirasi yang berbeza-beza untuk masyarakat Melayu. Identiti kreatif ini juga meraikan sumbangan dan peranan penting tukang seni Melayu kita dalam masyarakat.

Motif bunga yang ditampilkan dalam identiti kreatif pada tahun ini memaparkan kreativiti masyarakat Melayu dalam mempromosikan, mengembangkan dan melestarikan bahasa dan tradisi Melayu.

Mengenai Enam Ikon

Menurut sejarah, Singapura merupakan pusat pencetakan dan penerbitan yang signifikan dalam jaringan penulis dan pembaca serantau. Sastera dan sumbangan penulis setempat merupakan aspek penting dalam bahasa Melayu.

1. *Palari* – Kapal Palari merupakan kapal laut yang dibina oleh orang-orang Bugis. Kapal laut ini biasanya dikaitkan dengan perdagangan pada abad ke-20 sekali gus melambangkan perdagangan dan perantaraan di Nusantara. Seperti kapal Palari, bahasa Melayu merupakan wadah komunikasi yang menghubungkan ahli masyarakat daripada pelbagai budaya dan kawasan di Nusantara ini.
2. *Singa* – Sejarah Melayu menceritakan peristiwa di sebalik nama Singapura yang diberikan oleh Sang Nila Utama setelah beliau menyaksikan keberanian dan kekuatan seekor singa. Seperti seekor singa, kita harus bangga akan identiti dan budaya Melayu.
3. *Kancil* – Sang Kancil dikenali sebagai watak protagonis dalam beberapa cerita rakyat terkenal seperti 'Sang Kancil dan Buaya' dan 'Sang Kancil dan Gajah'. Pertemuan Sang Kancil dengan haiwan-haiwan hutan mencerminkan kecerdasan pemikiran dan kebolehannya untuk menyesuaikan diri ketika menghadapi cabaran. Kebijakan Sang Kancil boleh dijadikan contoh apabila kita menghadapi cabaran dalam kehidupan.
4. *Gitar* – Nusantara melahirkan ramai seniman yang menghasilkan pelbagai muzik tradisional dan kontemporari. Muzik mencetuskan perasaan seseorang dan dapat menghubungkan jiwa, lantas mengeratkan hubungan sesama individu. Gitar melambangkan hubungan ini. Seperti muzik, penggunaan bahasa Melayu dapat menghubungkan masyarakat tanpa mengira latar belakang dan usia.



5. *Pena* – Pena merupakan lambang warisan persuratan, manakala dakwat yang kekal menunjukkan cita-cita kita supaya bahasa Melayu terus menjadi elemen budaya dan warisan kita.
6. *Roket* – Roket melambangkan perubahan, inovasi dan kepelbagaian. Roket juga melambangkan keinginan kita untuk menyebarkan dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu melalui cara-cara yang menarik dan inovatif. Kita digalakkan agar terus meneroka cara-cara dan wadah baharu supaya dapat melestarikan penggunaan bahasa Melayu di Singapura.